

Kejayaan Muszaphar lakar sejarah bangsa

HARI ini tercipta satu lagi sejarah negara, buat pertama kali seorang anak watan, iaitu Dr Sheikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustapha, menjadi angkasawan pertama Malaysia dan dua lagi angkasawan lain akan menaiki kapal angkasa Soyuz 15-S yang berlepas dari Baikonur Cosmodrome di Kazakhstan ke Stesen Angkasa Lepas Antarabangsa (ISS).

Peristiwa bersejarah ini sudah tentu akan diikuti dengan penuh minat dan bangga oleh seluruh rakyat Malaysia, terutama menjelang umat Islam menyambut 1 Syawal beberapa hari lagi. Kita semua memohon kepada Allah SWT agar berkat Ramadan ini, angkasawan kita selamat dan berjaya mencapai misi negara.

Kejayaan ini adalah kemuncak kebanggaan yang dikongsi seluruh rakyat Malaysia apabila Program Angkasa Negara ditandatangani antara kerajaan Malaysia dan Russia pada 5 Ogos 2003, membuah hasil. Ia juga bermulanya misi kerajaan Malaysia untuk mencari calon yang berkelayakan dan berkebolehan di kalangan rakyat Malaysia menjadi angkasawan pertama negara.

Kini hasilnya, Dr Sheikh Muszaphar Shukor dan Kapten Dr Faiz Khaled berjaya memikul misi negara untuk melahirkan rakyat Malaysia pertama diiktiraf angkasawan. Tahniah dan syabas kepada mereka berdua yang kini bukan saja menjadi kebanggaan Malaysia, tetapi juga dunia.

Kejayaan ini bukan usaha yang mudah dicapai. Tanpa kesungguhan dan usaha kerajaan yang ingin melahirkan rakyat Malaysia bersifat global agar kita setanding dengan bangsa lain di dunia, kita tidak mungkin dapat melihat kejayaan ini. Kejayaan dua angkasawan kita harus menjadi contoh dan diharap menjadi perintis kejayaan lain yang lebih besar dan wajar menjadi perangsang kepada seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha gigih dan bersungguh-sungguh bahawa kita juga boleh berjaya seperti negara maju lain di dunia.

Kita mahu supaya selepas ini banyak lagi kejayaan dalam berbagai bidang tercipta dan seterusnya mengangkat nama Malaysia untuk 'duduk sama tinggi dan berdiri sama tinggi' dengan negara maju lain. Semoga

semangat 'Malaysia Boleh' terus disematkan dalam setiap minda rakyat Malaysia agar kita menjadi bangsa terbilang seperti yang dicita-citakan Perdana Menteri kita.

Kejayaan dua wira kita ke ISS juga mengharumkan nama Malaysia di kalangan negara Islam. Sebagai sebuah negara Islam, kejayaan ini adalah pelopor kepada usaha negara Islam mengembalikan kegemilangan tamadun ilmu yang berkaitan dengan angkasa lepas kepada umat Islam.

Malaysia yang juga pemimpin Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) seharusnya mengambil inisiatif membentuk kerjasama di kalangan negara Islam menubuhkan agensi angkasa lepas seperti European Space Agency agar negara Islam tidak bergantung kepada kuasa Barat untuk mendapatkan teknologi ini. Jika negara Islam dapat menguasai teknologi ini sudah tentu umat Islam menjadi kuat.

Semoga kejayaan angkasawan negara yang pertama ini menjadi perangsang dan motivasi yang paling baik kepada generasi Malaysia akan datang. Kejayaan ini bukan satu noktah untuk satu kejayaan kita di angkasa lepas. Tetapi ia adalah permulaan kepada mereka untuk terus menguasai ilmu berkaitan angkasa lepas agar kejayaan lebih besar dapat dicapai pada masa depan.

Kita harus sedar bahawa dunia hari ini tidak lagi ditentukan oleh saiz fizikal sesebuah negara. Tetapi, penghormatan dan pengiktirafan orang terhadap kita adalah setakat mana kita dapat menguasai bidang ilmu.

Kita mengharapkan agar Program Angkasawan Negara yang dilancarkan kerajaan dapat menyuntik semangat baru kepada saintis dan penyelidik Malaysia agar terus berusaha untuk menguasai bidang ilmu berkaitan angkasa lepas.

Kejayaan angkasawan pertama negara ini adalah kejayaan Malaysia selepas kita menyambut ulang tahun ke-50 kemerdekaan negara. Syabas angkasawan pertama negara, tahniah atas usaha kerajaan Malaysia untuk misi ke angkasa lepas.

HAJI TAKRIL TASUKI

*Yang Di-pertua Gabungan Ikhtisas
dan Usahawan Bumiputera
Anak Selangor (GIBS)*